



Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd 1902584-V9

Tingkat 5, Menara P 1,

No 46, Jalan Djarum, Bukit Damansara,

50490 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel +60 3 2095 3090

Fax +60 3 2095 2121

NEWSPAPER CLIPPING

| | |
|----------------------|-----------------|
| Media Organisation : | Utusan Malaysia |
| Date : | 23/10/2015 |

Stesen MRT Ampang Park penting untuk rangkaian rel

KUALA LUMPUR 22 Okt. - Pembinaan stesen Transit Aliran Massa (MRT) di tapak pusat beli-belah Ampang Park di sini perlu dilakukan bagi memastikan rangkaian perkhidmatan rel yang lebih cekap di ibu negara.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam MRT Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.), Datuk Najmuddin Abdullah berkata, tanpa stesen berkenaan, penggunaan tidak akan dapat bertukar daripada perkhidmatan MRT ke Transit Aliran Ringan (LRT) dan sebaliknya.

Katanya, meskipun terdapat bantahan berhubung pengambilalihan pusat beli-belah Ampang Park, pihaknya telah mengesyorkan alternatif melalui perjanjian bersama yang tidak melibatkan pengambilan tanah, namun memerlukan persetujuan semua pemilik strata.

"Kita sedang menunggu maklum balas daripada pemilik sama ada mereka ingin mengikut kaedah pengambilan tanah oleh kerajaan dengan semua pihak akan dibayar pampasan atau perjanjian bersama dengan MRT Corp," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.



NAJMUDDIN ABDULLAH

Melalui perjanjian bersama itu, pemilik perlu mengosongkan pusat beli-belah itu bagi memberi laluan kepada projek stesen MRT.

Sebuah kompleks beli-belah baharu pula akan dibina di tapak itu bagi menempatkan semula kesemua pemilik lot dalam tempoh tujuh tahun.

Ditanya mengenai dakwaan berhubung kegagalan MRT melibatkan kesemua pemilik dalam perbincangan pada peringkat awal, Najmuddin berkata, perkara itu perlu dibuat secara berperingkat-peringkat.

Menurutnya, pihak MRT Corp telah berjumpa dengan pihak pengurusan Ampang Park pada 15 Oktober lalu disusuli pertemuan dengan pihak-pihak yang lain.

Dalam pada itu, beliau berkata, jajaran MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (Laluan SSP) baru sahaja dimuktamadkan dan ekoran itu lot-lot tanah yang perlu diambil untuk projek berkenaan dapat dikenal pasti dengan tepat serta diwartakan di bawah Seksyen 8 Akta Pengam-

Kita sedang menunggu maklum balas daripada pemilik sama ada mereka ingin mengikut kaedah pengambilan tanah oleh kerajaan dengan semua pihak akan dibayar pampasan atau perjanjian bersama dengan MRT Corp."

NAJMUDDIN ABDULLAH
Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam MRT Corp.

bilan Tanah 1960.

Sementara itu, jelas beliau, maklumat mengenai kemungkinan berlakunya pengambilan tanah untuk pembinaan Laluan SSP telah disiarkan melalui Warta Kerajaan di bawah Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah.

"Senarai tanah yang mungkin diambil untuk pembinaan MRT Laluan SSP juga telah dipaparkan di Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat semasa Pemeriksaan Awam selama 3 bulan dari 15 Mei 2015 ke 17 Ogos 2015," jelasnya.